

**Jangan Terlalu Ghairah Jaguhi Isu Pendidikan, Titah Raja Muda Perak
Bernama
05 Julai, 2012**

SERI MANJUNG, 5 Julai (Bernama) -- Raja Muda Perak Raja Dr Nazrin Shah Khamis mengingatkan mana-mana pihak supaya tidak terlalu ghairah menjaguhui isu-isu pendidikan sehingga meletakkan masa depan negara berakhir dengan situasi 'satu negara-pelbagai warga'.

Baginda bertitah agenda pendidikan nasional perlu dicanai untuk mencapai matlamat berjaya menyatukan pelbagai kaum, hidup rukun dalam semangat 'satu negara-satu warga', selaras dengan semangat satu Malaysia.

"Membina satu warga tidak bermakna menghapuskan mana-mana kaum, tidak bermakna menghapuskan mana-mana budaya, tidak bermakna menghapuskan mana-mana agama, tidak bermakna menghapuskan mana-mana bahasa," titah baginda ketika merasmikan Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Samudera di sini hari ini.

Baginda bertitah sekolah perlu menjadi kawasan larangan kepada sebarang unsur politik kerana peranan sekolah sebagai platform untuk menyatupadukan rakyat adalah satu kewajipan bukan satu opsyen.

Raja Dr Nazrin bertitah sekolah adalah 'tapak semaian' memastikan 'benih-benih' diberikan ruang untuk dapat 'tumbuh segar' dan dilindungi daripada menjadi mangsa kepada eksperimen dan permainan politik.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=678204>